

**TEMA PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-46 TAHUN 2017
PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA**

“SATU NEGARA, SEHATI, SEJIWA”

Tema untuk Persidangan Perwakilan Nasional (NDC) ke-46 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) tahun ini adalah tanda penghormatan sempena ulang tahun Hari Kebangsaan ke-60 dan Hari Malaysia ke-54. Meraikan 60 tahun kemerdekaan, PGRM ingin memberi penghormatan kepada semua individu yang meletakkan asas-asas negara ini dan ramai lagi yang telah menyumbang kepada kejayaan negara pada masa lalu dan kini.

Kebangkitan negara menjadi nyata kerana rasa cinta, kesetiaan, dan kasih-sayang kita kepada Malaysia. Kisah kejayaan negara dibina atas kesanggupan serta keupayaan kita untuk bersatu dalam kepelbagaian. Keahlian bersama kita dalam negara mendorong kita untuk menegakkan tanggungjawab sivik serta berusaha berkongsi masa depan sebagai sebuah negara. Ianya memberikan makna sebenar kepada kedaulatan negara dengan satu bangsa berbangga dan bersatu yang berkongsi identiti sebenar dan kekitaan sebagai rakyat Malaysia.

Penghayatan sebenar terhadap kesatuan perlu terus diraikan dan dikongsi bersama oleh semua rakyat Malaysia sementara kita berusaha untuk mencapai potensi menyeluruh dan kejayaan lebih tinggi. Adalah perlu diingatkan bahawa perpaduan bukan hanya ketika senang bahkan yang lebih penting adalah sewaktu kesusahan.

Kami ingin memperingati keputusan bersejarah yang dibuat oleh nenek moyang kita dalam menyatukan nasib dan takdir kita bersama sebagai sebuah negara. Tema PGRM NDC tahun ini adalah seruan jelas kepada rakyat Malaysia untuk terus merangkul matlamat mereka serta memenuhi keputusan tersebut dalam kehidupan harian kita. Marilah kita mencontohi mereka dan bersatu untuk merealisasikan cita-cita dan aspirasi kita untuk diri sendiri dan bagi negara kita.

Gerakan akan terus memainkan peranannya dalam membina Bangsa Malaysia dan menyeru semua rakyat Malaysia untuk bersatu demi kemajuan dan kemakmuran serta mengingatkan sebagai sebuah negara, kita boleh mencapai lebih banyak lagi jika kita bersatu dan padu.

RESOLUSI PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-46

PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

KAMI, PERWAKILAN, Persidangan Perwakilan Nasional ke-46 (NDC) 2017 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM):

- A. Memperingati ulang tahun ke-60 Kemerdekaan dan ulang tahun ke-54 pembentukan Malaysia yang dicapai bersama oleh Bapa Pengasas kita dari semua kumpulan etnik dengan semangat patriotisme, kekitaan, kerjasama, rasa hormat dan kesepakatan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.
- B. Meneruskan perjuangan untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif, selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara, Transformasi Nasional 2050 dan Rancangan Malaysia ke-11.
- C. Mengiktiraf, memahami, berkongsi dan bersetuju dengan keprihatinan dan aspirasi rakyat Malaysia mengenai isu-isu berikut:
 - I. Menyeru seluruh rakyat Malaysia agar menegakkan dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi tanah air serta mematuhi kedaulatan undang-undang;
 - II. Menyeru semua pihak agar mematuhi dan menggalakkan nilai-nilai dan prinsip demokrasi serta menghormati hak asasi manusia dan kebebasan asasi;
 - III. Menyeru semua pihak agar menghormati, melindungi dan memenuhi hak minoriti;

- IV. Menyeru seluruh rakyat Malaysia menghayati perpaduan dalam kepelbagaian, kesederhanaan dan keterangkuman sebagai satu cara hidup rakyat Malaysia;
- V. Menyeru Kerajaan supaya menubuhkan Majlis Perundingan Negara 2 untuk memupuk perpaduan dan integrasi negara;
- VI. Menyeru Kerajaan supaya mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam tindakan atau ucapan yang melampau, menyinggung perasaan atau perkauman yang menjejaskan keamanan dan keharmonian;
- VII. Menyeru Kerajaan supaya mengamalkan tadbir urus yang baik dan pematuhan penguatkuasaan;
- VIII. Menyeru Kerajaan Negeri Pakatan Harapan supaya mengotakan apa yang telah dijanjikan kepada rakyat, memupuk perpaduan nasional serta pembangunan sosio-ekonomi;
- IX. Menyeru Kerajaan supaya menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sebuah badan bebas yang lebih berkuasa dengan melaksanakan pembaharuan undang-undang yang komprehensif;
- X. Menyokong Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik (PDEA) yang dicadangkan untuk mengawal selia peranan wang dalam politik dan pilihan raya;
- XI. Menyokong penelitian semula Perlembagaan Persekutuan untuk memberhentikan penukaran agama kanak-kanak bawah umur sebelah pihak;
- XII. Menyeru Kerajaan supaya mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang berpandangan ke hadapan dan mampan untuk pertumbuhan ekonomi;
- XIII. Menyeru Kerajaan supaya memastikan Program Transformasi Nasional (NTP) akan diteruskan ke masa hadapan;
- XIV. Menyeru Kerajaan supaya memperkenalkan bantuan untuk mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup;
- XV. Menyeru Kerajaan supaya menubuhkan Majlis Media yang kawal selia sendiri dan bebas;

- XVI. Menyeru Kerajaan supaya menangani isu ketidaksepadanan pekerjaan dengan ijazah, pengangguran siswazah serta upah yang tidak berkembang dengan menubuhkan Jawatankuasa Mobilisasi dan Padanan Pekerjaan;
- XVII. Menyeru kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan tanpa mengira parti atau perbezaan geopolitik;
- XVIII. Menyeru semua pihak agar memperluaskan pengajaran bahasa Cina dan Tamil di sekolah kebangsaan selain daripada sekolah vernakular untuk menjadikan sekolah lebih seragam;
- XIX. Menyeru usaha sama di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk mengenakan pemantauan, peraturan dan penguatkuasaan yang ketat terhadap perlindungan alam sekitar serta mendakwa penjenayah alam sekitar dengan berkesan;
- XX. Menyeru semua pihak agar mencapai kata persefahaman mengenai cara terbaik untuk membolehkan Kerajaan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu secepat mungkin.

KAMI DENGAN INI MEMUTUSKAN:

1. Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara harus diterjemah dan difahami secara menyeluruh. Struktur asas negara perlu didukung, dipertahankan serta diamalkan dengan cara yang komprehensif dan inklusif oleh semua rakyat Malaysia. Cubaan yang berbahaya serta mementingkan diri sendiri untuk melemahkan integriti mesti dikutuk dan dihentikan secara sedar dan kolektif. Kedaulatan undang-undang harus kekal dalam masyarakat kita.
2. Malaysia mempunyai rekod demokrasi yang kukuh dengan jaminan kebebasan bersuara, perhimpunan awam serta pilihan raya yang sengit. Satu siri pembaharuan undang-undang progresif telah meningkatkan idea dan nilai demokrasi, seperti pengenalan Akta Perhimpunan Aman, pindaan terhadap Akta Pencetakan dan Penerbitan serta pembaharuan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Usaha sedemikian harus ditingkatkan untuk memaju dan memperkasakan demokrasi di Malaysia.

3. Kepelembagaan demografi masyarakat Malaysia mesti dicerminkan dalam struktur tadbir urus dan institusi negara yang dipandu oleh nilai dan prinsip demokrasi. Hak-hak, kepentingan dan maruah masyarakat minoriti perlu dihormati, dipertahankan dan dilindungi selaras dengan semangat kontrak sosial. Kewajipan fiduciari majoriti kepada minoriti mesti difahami, diterima dan dipenuhi dalam masyarakat Malaysia.
4. Kepelembagaan sosial Malaysia adalah kekuatan dan bukannya kelemahan. Kita berkongsi nasib dan takdir yang sama sebagai rakyat Malaysia. Justeru itu, perpaduan adalah satu kemestian dan bukan pilihan kerana kita ingin maju dan mencapai tahap yang lebih tinggi sebagai sebuah negara. Perbezaan kita dapat dituai melalui kesederhanaan dan keterangkuman. Kita harus memberi tumpuan kepada kesatuan dan kesamaan kita sebagai rakyat Malaysia. Kita adalah rakyat Malaysia terlebih dahulu dalam minda, hati dan jiwa.
5. Kerajaan harus mempertimbangkan seruan pelbagai pihak untuk menubuhkan Majlis Perundingan Negara 2 (NCC2) bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Percanggahan sosio-politik telah menimbulkan kebimbangan serius terhadap kesejahteraan negara. Kebolehpercayaan serta keberkesanan NCC2 dalam mewakili suara sebenar rakyat akan dapat memulihkan sosial serta menyembuhkan luka yang amat diperlukan kesan daripada aktiviti berpolitik dan polarisasi.
6. Kerajaan harus mengambil pendirian toleransi sifar terhadap mana-mana individu atau pihak yang terlibat dalam tindakan atau kata-kata yang melampau, menyinggung perasaan dan perkauman yang boleh mempengaruhi keamanan serta keharmonian. Kita perlu menghantar mesej yang jelas kepada orang ramai bahawa tingkah laku sedemikian tidak mempunyai ruang dalam masyarakat Malaysia dan setiap rakyat atau kumpulan dilindungi oleh undang-undang. Pesalah mesti dihukum tanpa rasa takut atau pilih kasih sebagai langkah pencegahan.

7. Kerajaan mesti meneruskan komitmennya untuk melaksanakan tadbir urus yang baik dan penguatkuasaan yang bertanggungjawab dalam entiti sektor awam. Penekanan berterusan terhadap integriti, kecekapan dan profesionalisme diperlukan untuk melahirkan Kerajaan yang berkesan dan disokong secara meluas oleh rakyat serta masyarakat sivil. Pemimpin kerajaan mesti memimpin melalui teladan demi memupuk kepercayaan serta memenuhi jangkaan rakyat. Kecekapan perlu untuk memacu pembangunan perkhidmatan awam yang kualiti.
8. Pakatan Harapan (PH) tidak boleh mengambil mudah sokongan. Persaingan politik harus berdasarkan idea, dasar dan merit. Kerajaan negeri PH perlu berhenti bergantung kepada populisme, propaganda dan bermain politik untuk mendapatkan sokongan rakyat. Sebaliknya, PH harus mula mengotakan apa yang telah dijanjikan kepada rakyat di Pulau Pinang dan Selangor. Adalah penting mereka bertanggungjawab kepada rakyat dan berhenti berkelakuan seperti pembangkang dalam negeri yang ditadbir mereka.
9. Anti-rasuah bukan sekadar pergerakan nasional yang mesti dipergiatkan, kita perlu menyokong dan menjadikannya sebagai budaya yang akan meresap dalam masyarakat Malaysia. Adalah penting supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai badan utama diperkasakan melalui pembaharuan undang-undang yang komprehensif. Ini akan membolehkan SPRM menjalankan peranan institusi dengan berkesan dalam memerangi, mengawal, menyekat serta mencegah rasuah.
10. Perbelanjaan politik adalah sebahagian daripada sistem politik. Kesedaran politik yang semakin meningkat memerlukan pembaharuan undang-undang untuk menangani ketiadaan undang-undang yang jelas dalam mengawal pembiayaan politik. Pengawasan undang-undang dan pematuhan peraturan harus diperkenalkan. Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik (PDEA) diperlukan untuk menggalakkan kebertanggungjawapan serta ketelusan dengan tujuan memulihkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap politik.

11. Isu penukaran agama kanak-kanak bawah umur sebelah pihak telah berdekad lama menyakiti masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan ianya memerlukan penyelesaian kekal. Kebajikan anak-anak mesti diutamakan dalam semua keadaan dan hak sama rata ibu bapa mengenai agama anak-anak mereka mesti dipertahankan. Kita perlu menunjukkan keazaman politik dan persefahaman dalam menyelesaikan isu ini secara kekal dengan bersetuju untuk penelitian semula Perlembagaan Persekutuan.

12. Kerajaan harus melaksanakan belanjawan yang berhemah serta meneruskan komitmennya untuk memperkukuhkan fiskal sebagai sandaran ekonomi atau kewangan. Selain itu, Kerajaan harus mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang berpandangan ke hadapan dan mampan untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi. Pengurusan ekonomi makro yang berwawasan akan membimbing negara ke hadapan dengan asas ekonomi yang mampan dan stabil di sebalik ketidakpastian dan cabaran.

13. Program Transformasi Nasional (NTP) yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) mesti diteruskan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang, mampan dan merangkumi bidang sosioekonomi. Sejak penubuhannya pada tahun 2009, NTP telah membuah hasil yang memberangsangkan. NTP perlu diberikan penekanan yang berterusan dalam agenda pembangunan negara untuk memajukan serta memperluaskan peranannya dalam usaha Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020.

14. Peningkatan kos sara hidup dan pendapatan boleh guna yang terhad telah meningkatkan beban kewangan isi rumah Malaysia secara purata. Kerajaan telah proaktif dalam memperkenalkan pelbagai bantuan secara langsung kepada rakyat, khususnya kepada keluarga berpendapatan rendah. Usaha-usaha ini perlu diteruskan untuk mengurangkan kesan kewangan. Pelepasan dalam bentuk pengecualian cukai dan insentif perlu diperkenalkan di samping meningkatkan jaringan keselamatan sosial.

15. Kelaziman media sosial membawa kepada fenomena penyebaran berita palsu yang menjadi tumpuan awam. Ini menjadi semakin rumit dengan sosio-politik yang dinamik dalam masyarakat Malaysia. Majlis Media yang bebas dan kawal selia sendiri merupakan langkah perlu untuk memperkenalkan pengawasan dan peraturan tambahan. Ini selaras dengan kebebasan media di samping menggalakkan profesionalisme dalam bidang kewartawanan. Lebih penting lagi, ia menyediakan platform untuk kerjasama rapat dengan pihak berkuasa serta membina persefahaman dalam menegakkan kredibiliti media.

16. Ia adalah tanda tidak sihat serta membimbangkan apabila ekonomi negara gagal menyerap graduan muda yang dihasilkan oleh sistem pendidikan kita. Penubuhan Jawatankuasa Mobilisasi dan Padanan Pekerjaan diperlukan untuk menangani ketidakpadanan antara universiti, kemahiran graduan dan pekerjaan. Kerajaan perlu memainkan peranan aktif dalam menggalakkan kepelbagaian ekonomi serta mewujudkan pasaran pekerjaan baru, terutamanya dalam sektor-sektor bukan profesional dan bukan pakar.

17. Semangat federalisme mesti diberi penekanan semula memandangkan Malaysia sedang menyesuaikan diri dengan kelaziman politik baru yang mengubah landskap politik dan perbezaan parti antara pentadbiran persekutuan dan negeri. Kerajaan Negeri Pakatan Harapan di Pulau Pinang dan Selangor bersama dengan Kerajaan Negeri PAS di Kelantan harus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional demi rakyat dan negara. Politik tidak harus mengatasi kepentingan awam sebaliknya kita berazam maju sebagai sebuah masyarakat membangun dan matang

18. Kepelbagaian sosial Malaysia harus dimanfaatkan sebagai kekuatan dengan pendidikan dijadikan sebagai agen perubahan dan pembangunan sosial. Pengajaran bahasa Cina dan Tamil di sekolah kebangsaan akan menjadikan sekolah lebih seragam serta menggalakkan persefahaman seluruh masyarakat. Ini adalah langkah utama dalam mempromosikan integrasi sosial dan perpaduan tanpa mengganggu pendidikan pelbagai aliran semasa, sebaliknya membolehkan ia terus berkembang maju.

19. Kesedaran dan pembaharuan komitmen diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan mahupun Negeri untuk membendung jenayah alam sekitar. Pemantauan, peraturan dan penguatkuasaan yang ketat terhadap perlindungan alam sekitar mesti ditingkatkan seiring dengan kejayaan pendakwaan terhadap pesalah laku. Alam sekitar tidak boleh dikorbankan demi ekonomi. Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi kita harus melengkapinya usaha pemuliharaan alam sekitar.

20. Kerajaan, Dong Zong dan pihak-pihak yang berkenaan harus kembali ke meja mesyuarat untuk mencari jalan terbaik bagi membolehkan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) diterima secepat mungkin. Kita perlukan dialog rasmi untuk mencapai persetujuan dan kejayaan melalui senario "sama-sama menang". Kegiatan berpolitik keterlaluan berhubung pengiktirafan UEC dapat dikurangkan melalui mesyuarat langsung di peringkat tertinggi bagi menunjukkan keikhlasan serta kesungguhan untuk mengatasi masalah teknikal tersebut.

2017 年第 46 届民政党全国代表大会主题

“一个国家，同心一意”

今年民政党全国代表大会的主题是我们特别向 60 周年国庆日和 54 周年马来西亚日致敬。在我们欢庆国家成功的 60 周年时，民政党向那些为国家奠定基础和为成功做出贡献的人民特别致敬。

国家的崛起是因为我们对马来西亚的爱、忠诚和奉献。国家的成功故事是建立在尽管多元化，但我们依然愿意和全力团结之上的。作为这个国家的子民，我们应秉持公民责任，为共同的国家未来斗争。其给予国家的主权一个真正的意义，通过一个自豪和团结的社会，共享作为马来西亚人的身份和归属感。

在我们寻求达到所有潜力和新高度的同时，所有国民应继续欢庆和秉持团结。我们必须谨记团结不仅是为了好的时刻，在艰苦奋斗的时候更是至关重要。

我们要纪念先贤所作出的重大决定，让我们共享国家命运。今年民政党全国代表大会的主题呼吁所有国民在日常生活中，继续秉持先贤的方式和实践该决定。让我们效仿先贤的榜样和团结一致，实现对自己和国家的理想和愿景。

民政党将继续成为马来西亚民族的一部分，我们呼吁所有国民团结一致，以达到进步和繁荣。如果我们团结一致，国家可以达到更大的成就。

2017 年第 46 届民政党全国代表大会提案

我们，2017 年第 46 届民政党全国代表大会全体代表：

- A. 欢庆国家独立 60 周年及马来西亚成立 54 周年，这是由来自各族的开国先贤通过爱国主义、团结、合作、互相尊重、谅解和依据联邦宪法所共同争取的。
- B. 秉持国家原则、2050 年国家转型计划和第 11 大马计划的信念，继续我们的斗争，建立团结、民主、公正、自由和进步的马来西亚。
- C. 认同、谅解、分担及赞同大多数国民所关注的课题：
 - I. 呼吁国民秉持和捍卫联邦宪法作为国家最高法律，以及遵守法治；
 - II. 呼吁各方遵守和推动民主价值观与原则，并尊重人权和基本自由；
 - III. 呼吁各方尊重、保护和履行少数群体的权利；
 - IV. 呼吁所有国民内在化多元中团结、中庸和包容，并作为国民的生活方式；
 - V. 呼吁政府成立全国协商委员会 2，以促进国民团结与融合；
 - VI. 呼吁政府采取行动，对付影响和平与和谐的极端性、冒犯性或种族主义的行为或言论；
 - VII. 呼吁政府实践良好管治和尽责执法；
 - VIII. 呼吁希盟州政府履行对人民的承诺、推动国民团结和社会经济发展；
 - IX. 呼吁政府通过全面的法律改革，将反贪会变成一个更强大的独立机构；
 - X. 支持所建议的政治献金和开销法令，以管制金钱在政治和选举的作用；
 - XI. 支持检讨联邦宪法，解决孩童单方面转教问题；
 - XII. 呼吁政府针对经济增长，采取前瞻性和可持续性的货币与财政政策；
 - XIII. 呼吁政府确保国家转型计划在未来得以继续；
 - XIV. 呼吁政府推介救济措施，减低生活成本上涨的问题；
 - XV. 呼吁政府成立一个自我管制和独立的媒体委员会；

- XVI. 呼吁政府通过成立劳工调动和职业配对委员会, 解决学位与职业不匹配、毕业生失业和薪资停滞问题;
- XVII. 不论党派或地缘政治差异, 呼吁中央政府、州属和地方政府之间加强合作;
- XVIII. 呼吁各方扩展国民学校的华语和淡米尔语教学, 让学校变得更同质;
- XIX. 呼吁中央政府和州政府共同努力, 严格监督、管治和执行环境保护, 并提控破坏环境者;
- XX. 呼吁各方达成共识, 使政府尽快承认统考文凭。

我们特此誓言:

1. 联邦宪法和国家原则必须继续获得全面解读和理解。所有国民必须全面和包容地秉持、捍卫和奉行基本架构。任何欲破坏其完整性的违宪和自私企图, 都必须自觉和集体作出谴责和制止。法治必须继续存在于我们的社会。
2. 我国在保证言论自由和公开集会上, 一直都有着良好的民主记录, 就连选举也是激烈竞争。一系列进步的法律改革, 加强了民主思想和价值观, 如推介和平集会法、修订印刷机与出版法令, 以及改革大专法令。这些努力都必须再加强, 以促进和加强我国的民主。
3. 我国社会的人口多样性, 必须体现在国家的管治和体制结构中, 并由民主价值观和原则指引。少数群体的权利、利益和尊严必须依据社会契约精神, 受到尊重、秉持和维护。多数群体对少数群体的信托义务, 必须在我国社会中获得理解、接受和完成。
4. 我国社会的多样性是强项, 而非弱点。我们共享相同的命运, 因此团结是必须的, 不是一个选择, 因为我们的目标是让国家达到一个新高度。我们之间的差异可以通过中庸和包容, 收获成果。我们应更关注在我们的一体性和共同点, 我们以马来西亚人为先应谨记在思想和精神中。

5. 政府应考虑各方有关成立全国协商委员会 2 的呼吁，以促进国民团结和融合。社会政治矛盾已引起大家对国家福祉的严重关注。一个真正代表人民心声的可信赖和有效的全国协商委员会 2，将可进行急需的社会修复，从政治活动和两极化中复原。
6. 政府应对任何涉及极端、冒犯性和种族主义的行动或言论，影响和平与和谐的极端人士或群体，采取零容忍立场。我们需要向民众发出强烈信息，我国社会无法容忍这些行为，所有国民或群体都受到法律保护。罪魁祸首必须无惧无私地受到惩罚，作为一个强而有力的威慑。
7. 政府必须致力在公共部门实行良好管治和尽责执法。我们应继续强调需要廉正、有能力和专业的精神，以拥有一个有效率的政府，并获得国民和公民社会的广泛支持。政府领袖必须树立榜样，获得民众信任和达到民众的期望。为了促进公共服务的传递质量，效率是有必要的。
8. 希盟不能视人民的支持为理所当然，政治竞争应以理念、政策和绩效为基础。希盟州政府应停止以民粹主义、宣传和政治活动，来获得民众支持。相反的，希盟应开始履行对槟州和雪州人民的承诺。他们对国民负责是很重要的，同时也应停止在他们执政的州属，表现如同反对党。
9. 反贪污不仅是一个需要加强的国家阶层性运动，我们也需要认同其应作为一个渗透至我国社会的文化。通过全面的法律改革，进一步赋权作为领导机构的反贪会是很重要的。这将使反贪会有效地担任其角色，打击、控制、制止和防止贪污。
10. 政治开销是政治制度的一部分。日益增长的政治意识要求进行法律改革，解决管制政治资金缺乏明确法律的问题。现在是推动法律监督和遵从法规的最佳时刻，我们需要政治献金和开销法令，以推动问责制和透明度，因为我们旨在恢复民众对政治的信心和信任。

11. 孩童单方面转教的长期问题，多年来一直都在伤害我国的多元社会，因此需要一个永久的解决方案。孩童的福祉在任何情况下都必须获得优先考虑，同时父母在决定孩童的宗教上必须拥有平等的权利。我们需要通过同意检讨联邦宪法，展现永久解决该问题的政治意愿和共识。
12. 政府在财政政策上应谨慎行事，继续致力于巩固财政，确保经济和财政安全。同样重要的是，政府应采取前瞻性、可持续性的货币和财政政策，以达到经济增长。尽管面对不确定性和挑战，但具有负责任愿景的宏观经济管理，将会带领国家向前迈进，让经济稳定和强大。
13. 国家转型计划涵盖了经济转型计划和政府转型计划，必须在社会经济领域继续获得平衡、可持续性和包容性的增长。自 2009 年以来，国家转型计划已带来很多具影响力的成果。国家转型计划必须继续获得强化，以促进国家建设议程，推动和扩大马来西亚的领导作用，于 2020 年达到高收入发展国的目标。
14. 生活成本上涨和可支配收入的限制，对我国平均家庭带来更大的经济负担。政府积极向人民，尤其是中低下收入的家庭提供直接援助。这些援助将会继续减低财政影响，但也应推介更多税收减免和奖励的形式，并加强社会安全网。
15. 社交媒体的日渐盛行，导致发生了假新闻现象。这进一步复杂化我国社会的社会政治动态。成立一个独立和自我管制的媒体理事会是必要的，以进行额外的监督和管制。这也符合媒体自由，并推动新闻专业化。更重要的是，这将提供一个平台，与当局紧密合作，并在秉持媒体诚信上建立理解。
16. 我国的经济未能吸纳从我们教育制度毕业的学生，这是一个不健康和令人担忧的现象。劳工调动和职业配对委员会的成立是有必要的，以解决大学、毕业生技能和工作无法配对的问题。政府应扮演积极的角色，鼓励经济多元化，并创造新的就业市场，尤其是非专业的领域。
17. 联邦制的精神必须重新被强调，因为我国正适应日益普及的新政治，即多变的政治格局，以及中央和州政府之间的党派差异。为了人民和国家的利益，希盟的檳

州和雪州政府，以及伊斯兰党的吉兰丹州政府应与国阵中央政府合作。政治不能颠覆公共利益，因为我们的目标是推动一个发展和成熟的社会。

18. 我国的社会多元化应被视为是强项，而教育则是改变社会和发展社会的媒介。在国民学校教导华语和淡米尔语，将会使学校更同质，并促进社群之间的相互理解。这对促进社会融合和团结而言是重大的一步，其不影响目前的多源流教育，反而能进一步发展。
19. 中央政府和州政府需要提高意识和重新致力于承诺，遏制环境罪案。保护环境的严格监督、管制和执行必须再加强，并成功提控犯罪者。环境不能因为经济而被牺牲。相反的，我们的经济增长应加强环境保护。
20. 政府、董总和其他相关人士应重回会议桌，找出尽快承认统考文凭的最佳方式。我们需要正式的对话，以达成共识，并在双赢的局面下取得突破。通过直接高层的会议，可以减少不必要的政治活动，并展现对承认统考文凭的诚意和认真，以解决技术问题。

**THEME OF THE 46TH NATIONAL DELEGATES CONFERENCE 2017 OF
PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA**

“ONE COUNTRY, ONE HEART, ONE SOUL”

The theme for this year's Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) 46th National Delegates Conference (NDC) is our special gesture to pay tribute to the 60th National Day and 54th Malaysia Day anniversary. As we celebrate 60 years of successful nationhood, PGRM pays homage to the men and women who laid the foundations of this nation and many more who have contributed to the country's success in the past and present.

The rise of the country was made possible by our love, loyalty, and devotion to Malaysia. The country's success stories were built on our willingness and ability to unite despite diversity. Our joint membership of this country compels us to uphold our civic duty and strive for a shared future as a nation. It gives true meaning to the sovereignty of the country with a proud and united nation that shares a true sense of identity and belonging as Malaysians.

Truthful appreciation of oneness should continue to be celebrated and upheld by all Malaysians while we seek to achieve our full potential and greater heights. It is important to remember that unity is not just for the good times, it is even more vital when hardship strikes.

We want to commemorate the fateful decision by our forefathers to join our fate and destiny together as a nation. This year's PGRM NDC theme is a clarion call for Malaysians to continue to embrace their ways and live up to that decision in our daily undertakings. Let us emulate their examples and unite to realize our ideals and aspirations for ourselves and for our country.

Gerakan will continue to play its part in building a Bangsa Malaysia and we call on all Malaysians to unite for progress and prosperity and remember that, as a nation, we can achieve a lot more if we are united and cohesive.

**RESOLUTION OF THE 46TH NATIONAL DELEGATES
CONFERENCE 2017 OF
PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA**

WE, THE DELEGATES, of the 46th National Delegates Conference (NDC) 2017 of Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM):

- A. Commemorating the 60th Anniversary of Merdeka and the 54th Anniversary of the formation of Malaysia that was collectively achieved by our Founding Fathers from all ethnic groups in the spirit of patriotism, togetherness, collaboration, mutual respect, understanding in accordance with the Federal Constitution.
- B. Continuing our struggle to build a Malaysian nation that is united, democratic, just, liberal and progressive, in accordance with the tenets of Rukun Negara, Transformasi Nasional 2050 and 11th Malaysian Plan.
- C. Recognising, understanding, sharing and agreeing with the concerns and aspirations of Malaysians on the following issues:
 - I. Call on all Malaysians to uphold and defend the Federal Constitution as the Supreme Law of the Land and observe the rule of law;
 - II. Call on all parties to observe and promote democratic values and principles as well as respect for human rights and fundamental freedoms;
 - III. Call on all parties to respect for, protection and fulfilment of minority rights;
 - IV. Call on all Malaysians to internalise unity in diversity, moderation and inclusiveness as a Malaysian way of life;
 - V. Call on the Government to set up a National Consultative Council 2 to foster national unity and integration;

- VI. Call on the Government to take action against those who engage in extreme, offensive or racist actions or remarks that affect peace and harmony;
- VII. Call on the Government to practice good governance and dutiful enforcement;
- VIII. Call on Pakatan Harapan State Governments to deliver what they have promised to the people, foster national unity and socio-economic development;
- IX. Call on the Government to turn Malaysian Anti-Corruption Commission into a more powerful independent body by embarking on comprehensive law reform;
- X. Support the proposed Political Donations and Expenditure Act (PDEA) to regulate the role of money in politics and elections;
- XI. Support the review of Federal Constitution to end the unilateral conversion of minors;
- XII. Call on the Government to adopt a forward-looking and sustainable monetary and fiscal policy for economic growth;
- XIII. Call on the Government to ensure National Transformation Programme will continue into the future;
- XIV. Call on the Government to introduce relief to mitigate the impact of rising cost of living;
- XV. Call on the Government to set up a self-regulatory and independent Media Council;
- XVI. Call on the Government to address degree-job mismatch, graduate unemployment and wage stagnation by setting up a Labour Mobilisation and Job Matching Committee;
- XVII. Call for greater cooperation between federal, state and local Governments irrespective of partisan or geopolitical differences;
- XVIII. Call on all parties to expand the teaching of Chinese and Tamil in national schools other than vernacular schools to make schools more homogenous;
- XIX. Call for joint effort between federal and state Governments to impose strict monitoring, regulations and enforcement on environmental protection as well as effectively prosecute environmental crimes;

- XX. Call on all parties to reach a consensus on the best way to enable Government's recognition of Unified Examination Certificate at soonest possible.

WE HEREBY RESOLVE THAT:

1. The Federal Constitution and Rukun Negara must continue to be interpreted and understood in its totality. The basic structure of the nation must be upheld, defended and practised in a comprehensive and inclusive manner by all Malaysians. Dangerous and selfish attempts to undermine its integrity must be condemned and stopped consciously and collectively. The rule of law must continue to be anchored in our society.
2. Malaysia has a strong record of democracy with guaranteed free speech and public assembly, elections are also fiercely contested. A series of progressive law reforms enhanced the ideas and values of democracy, such as the introduction of Peaceful Assembly Act, amendments to Printing Presses and Publications Act and reforming the Universities and University Colleges Act. These efforts must be enhanced to advance and strengthen democracy in Malaysia.
3. The demographic diversity of Malaysian society must be reflected in governance and institutional structures of the country guided by democratic values and principles. The rights, interests and dignity of minority communities must be respected, upheld and protected in accordance with the spirit of the social contract. Fiduciary obligation of majority to minority must be understood, accepted and fulfilled in Malaysian society.
4. The social diversity of Malaysia is a strength and not a weakness. We share the same fate as destiny as Malaysians. Hence, unity is a must and not an option as we aim to advance and achieve greater heights as a nation. Our differences can be harvested through moderation and inclusiveness. We should focus more on our oneness and commonality as Malaysians. We are Malaysians first in mind, heart and spirit.

5. The Government should consider calls from various parties to set up the National Consultative Council 2 (NCC2) to foster national unity and integration. Socio-political contradictions have evoked serious concern on the well-being of the nation. A credible and effective NCC2 that represents the true voice of the people will enable a much needed social rehabilitation and heal the wounds from politicking and polarisation.
6. The Government should take a zero-tolerance stand against any individuals or parties who engage in extreme, offensive and racist actions or remarks that affect peace and harmony. We need to send a strong message to the public that these behaviours have no room in the Malaysian society and every citizen or group is protected under the law. The culprits must be punished without fear or favour and serve as a strong deterrence.
7. The Government must continue its commitment to implement good governance and dutiful enforcement in public sector entities. Continued emphasis on integrity, competency and professionalism needed to produce a Government that is effective and broadly supported by citizens as well as a civil society. Government leaders must lead by example to foster public trust and meet public expectations. Efficiency is necessary to spur the development of quality deliverance of public services.
8. Pakatan Harapan (PH) must not take public support for granted. Political competition should be based on ideas, policies and merits. PH state Governments should stop relying on populism, propaganda and politicking to get public support. Instead, PH should start to deliver what they have promised to the people in Penang and Selangor. It is important they be accountable to the citizens and stop behaving like Opposition in the state they are governing.
9. Anti-corruption is not just a national movement that must be intensified, we need to endorse it as a culture that will permeate throughout the Malaysian society. It is important that the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) as the leading body will be further empowered through a comprehensive law

reform. It will enable MACC to undertake its institutional role effectively to combat, control, suppress and prevent corruption.

10. The political expense is a part of the political system. Growing political awareness necessitates a law reform to address the absence of a clear-cut law in regulating political financing. It is high time that legal oversight and regulatory compliance are introduced. Political Donations and Expenditure Act (PDEA) is needed to promote accountability and transparency as we aim to restore public trust and confidence in politics.
11. The longstanding issue of unilateral conversion of minors has been hurting the diverse Malaysian society for decades and in need of a permanent solution. The welfare of the children must be prioritised in all circumstances and equal parental rights regarding the religion of their children must be upheld. We need to show political will and consensus in solving this issue permanently by agreeing to review the Federal Constitution.
12. The Government should exercise budgetary prudence and continue its commitment to fiscal consolidation as economic or financial security. It is equally important that the Government adopts a forward-looking and sustainable monetary and fiscal policy to cater for economic growth. Macroeconomic management with responsible visionary would lead the nation going forward with a strong and stable economic footing despite uncertainty and challenge.
13. The National Transformation Programme (NTP) comprising two major components the Economic Transformation Programme (ETP) and the Government Transformation Programme (GTP) must continue to promote balanced, sustainable and inclusive growth in socio-economic areas. Since its inception in 2009, NTP has yielded impactful results over the years. NTP must be given continued emphasis facilitation in nation-building agenda to advance and expand its steering role in Malaysia's pursuit to achieve a high income and developed status by 2020.

14. Rising cost of living and limited disposable income are posing a more financial burden to average Malaysian households. The Government has been proactive in introducing much direct assistance to the people, especially lower-middle income families. These efforts should be continued to mitigate the financial impact. More relief in the form of tax breaks and incentives should be introduced while substantively enhancing social safety net.
15. The increasing prevalence of social media brought the phenomenon of fake news into the spotlight. It is further complicated with the socio-political dynamics in the Malaysian society. An independent and self-regulatory Media Council is the necessary step to introduce extra oversight and regulation. It is in line with freedom of media while also promotes professionalism in journalism. More importantly, it provides a platform to work closely with the authorities and build understanding in upholding media credibility.
16. It is an unhealthy and worrying sign that the nation's economy has failed to absorb these young graduates produced by our educational system. The setting up of a Labour Mobilisation and Job Matching Committee is necessary to address the mismatch between universities, graduates' skills, and jobs. The Government should play an active role in encouraging the diversification of economy and creation of new job markets, especially in non-professional and non-specialist sectors.
17. The spirit of federalism must be reemphasised as Malaysia is adjusting to the increasing prevalence of new politics with changing the political landscape and partisan differences between federal and state administration. Pakatan Harapan State Governments in Penang and Selangor along with PAS State Government in Kelantan should cooperate with the Barisan Nasional Federal Government for the sake of the people and country. Politics must not subvert public interest as we aim to advance as a developed and mature society.
18. Social diversity of Malaysia should be harnessed as a strength with education as an agent of social change and social development. The teaching of Chinese and Tamil in national schools will make schools more homogenous and

promote mutual understanding across communities. It is the major step in promoting social integration and unity without unsettling the current multi-stream education, but to enable it for further flourishing.

19. Heightened awareness and renewed commitment are needed from both Federal and State Governments to curb environmental crimes. Strict monitoring, regulations and enforcement on environmental protection must be stepped up along with successful prosecution against culprits. The environment should not be sacrificed for economy. Conversely, our economic growth should complement environmental conservation.

20. The Government, Dong Zong and other concerned parties should return to the meeting table to find the best way in enabling the recognition of Unified Examination Certificate (UEC) at soonest possible. We need formal dialogue to build consensus and achieve a breakthrough in a win-win scenario. Unnecessary politicking on UEC recognition can be reduced with a direct high-level meeting to show sincerity and seriousness on the matter to overcome technical difficulties.